

Psikologi Remaja: Penting untuk Membina Watak dan Perwatakan Remaja dalam Karya

Oleh Julia Unggai

Pengenalan

PADA masa kini, sastera remaja sedang menapak kukuh dan berkembang maju selaras dengan pertambahan golongan penulis yang terdiri daripada golongan remaja. Apa yang lebih membanggakan, mereka bukan hanya datang dari aliran sastera, malah dari aliran sains, perdagangan dan juga vokasional. Tidak mustahil pada masa hadapan karya mereka akan lebih mengarah kepada tema yang menyentuh profesion masing-masing.

Setakat ini, *Dewan Siswa (DS)* merupakan salah satu wadah utama yang menampung karya penulis remaja. Menerusi *DS*, Hadiah Sastera Siswa Bank Rakyat yang bertujuan untuk memperkenalkan dan mempergiatkan bidang penulisan kreatif generasi muda diwujudkan. Sejak diperkenal pada tahun 1986, Hadiah Sastera Siswa Bank Rakyat ini akhirnya berjaya menerbitkan antologi cerpen dan puisi iaitu *Kulepaskan Resah Sepi* (1988), *Tidak Semanis Mimpi* (1989), *Puteri Dayang* (1990), *Pesisiran Senja* (1991) dan *Atlantis, Duniaku Duniamu* (1992). Di samping penulis remaja, penulis mapan dan penulis kawakan juga turut mewarnai sastera remaja dengan karya remaja mereka.

Menulis karya untuk remaja dengan watak utama yang berusia enam belas tahun, bukanlah suatu tugas yang mudah jika kita tidak mengetahui tret-tret fizikal dan personaliti watak berkenaan. Untuk Hadiah Sastera Siswa

Bank Rakyat tahun 1990 dan 1991 misalnya, sebanyak 120 buah cerpen telah diterima setiap bulan oleh Sidang Editor *DS*. Hanya 5 buah cerpen dipilih setiap bulan. Tetapi pada hari penyampaian hadiah, hanya 5 buah cerpen yang terpilih sebagai pemenang. Salah satu faktor kejayaan cerpen-cerpen itu ialah kekuatan personaliti watak yang dicipta oleh penulisnya sehingga menarik hati para panel.

Justeru itu, penulis perlu mengetahui secara mendalam tentang watak remaja yang ingin diketengah dalam karya sama ada novel ataupun cerpen. Penulis perlu mengetahui siapa sebenarnya golongan remaja, termasuk psikologi mereka.

Remaja

Mengikut etimologi, *remaja* datangnya daripada perkataan Latin *adolescere* yang bermaksud membesar ke arah kematangan. Kematangan dari segi biologikal, umur dan emosi. Masa remaja ialah suatu tahap transisi. Individu akan melalui perubahan fizikal dan psikologikal untuk meninggalkan zaman kanak-kanak dan menyiapkan diri untuk memasuki alam dewasa. Seorang dikatakan mencapai alam remaja apabila dia menjadi akil baligh sehingga memperoleh status dewasa, sekurang-kurangnya pada umur 25 tahun.

Ahli-ahli psikologi perkembangan membahagikan remaja kepada empat peringkat iaitu

praremaja (11-13 tahun), awal remaja (13-15 tahun), remaja pertengahan (15-18 tahun) dan remaja akhir (18-20 tahun).

Setelah memahami istilah *remaja*, kita akan melihat definisi watak dan perwatakan sebelum menyatukan kedua-dua topik ini dalam psikologi remaja.

Watak dan perwatakan

Selain latar, sudut pandangan atau tema, watak dan perwatakan merupakan aspek penting yang menjadi daya penggerak sesebuah cerita yang ditulis oleh pengarang. Watak dan perwatakan akan menghidupkan jalinan plot sesebuah karya. Biasanya, sesebuah novel atau cerpen akan dinilai sebagai memuaskan atau cemerlang oleh pembaca jika penulis dapat menampilkan watak dan perwatakan yang meyakinkan dan kelihatan natural.

Watak ialah manusia atau binatang atau objek-objek tertentu. Tetapi dalam perbincangan ini, watak dibataskan kepada manusia sahaja kerana watak binatang biasanya tidak begitu berjaya. Kita tidak banyak memahami psikologi binatang. Sementara perwatakan pula ialah sifat atau keadaan yang wujud pada watak itu, sama ada bersifat fizikal ataupun batiniah. Perwatakan adalah sifat menyeluruh manusia yang disorot, termasuk perasaannya, keinginannya, kebimbangannya dan caranya berfikir.

Biasanya, penulis akan membina perwatakan ber-

dasarkan pengalaman sendiri dan kehidupan sebenar. Dalam kehidupan sehari-hari, kita tidak dapat memahami antara satu dengan yang lain; baik konsep 'terus mata' mahupun 'pengakuan sejati' tidak juga wujud. Kita mengenali antara satu dengan yang lain hanya sebahagian; dan berpandu beberapa tanda luaran sahaja sudah memadai untuk dijadikan asas hidup bermasyarakat. Tetapi, watak dalam novel atau cerpen dapat difahami sepenuhnya oleh pembaca; kehidupan lahir batin mereka semuanya dapat didedahkan. Itulah sebabnya watak itu kelihatan lebih jelas daripada watak dalam sejarah, malah lebih jelas daripada sahabat kita sendiri. Semua yang patut diceritakan tentang watak itu akan diberitahu kepada pembaca. Walaupun tidak sempurna atau tidak benar, watak itu tidak mempunyai rahsia, sedangkan kita ada rahsia dan rahsia itu mesti disimpan.

Sesungguhnya, penulis memerlukan satu siri inspirasi tentang manusia di persekitarannya dan berusaha bersungguh-sungguh untuk memindahkan inspirasi itu ke dalam karya yang ditulis mengikut aturan dunia ciptaan dalam tulisannya. Watak-wataknya mestilah hidup dengan emosi, dialog yang asli dan reaksi yang meyakinkan apabila berhadapan dengan situasi tertentu untuk memberi kepuasan kepada pembaca. Sememangnya, untuk mencipta watak sedemikian rupa, penulis mesti tahu tentang psikologi wataknya dengan mendalam. Ini bererti, penulis mesti mengenali wataknya, tentang ketakutan rahsianya, berdiri dibelakang watak tanpa menghakimi personalitinya tetapi mengenal pasti kelainannya daripada diri penulis.

Terdapat perbezaan antara manusia dalam kehidupan sebenar dengan manusia ciptaan penulis. Forster (1987), memperlihatkan perbezaan ini melalui Homo Sapiens (manusia biasa) dan Homo Fictus (manusia

rekaan). Golongan Homo Fictus sebenarnya lebih licik daripada Homo Sapiens. Homo Fictus dicipta dalam fikiran beratus-ratus orang penulis yang masing-masing mempunyai kaedah mencipta yang berbeza. Homo Fictus umumnya 'dilahirkan', boleh mati, memerlukan sedikit makanan ataupun tidur dan sepanjang masa sentiasa sibuk dengan perhubungan antara manusia. Dan, yang paling penting, penulis dapat memahaminya secara lebih mendalam daripada yang dapat penulis ketahui tentang orang biasa yang sama dengan penulis.

Oleh yang demikian, memahami psikologi watak untuk menghasilkan sesebuah karya yang berjaya adalah amat perlu. Di sini, perbincangan akan lebih mengarah kepada psikologi remaja untuk membantu penulis membina perwatakan remaja yang meyakinkan dan natural.

Psikologi Remaja

Waktu remaja adalah waktu yang begitu mencabar dalam pusingan hidup seseorang. Berbagai-bagai bentuk pembelajaran dan pengalaman dilalui oleh individu dalam jarak waktu ini. Memandangkan keadaan waktu remaja yang penuh dengan cabaran dan berbagai-bagai pengalaman baru diperolehi, kadangkala orang-orang dewasa gagal untuk menjalin hubungan yang baik dan harmoni dengan kaum remaja. Berikut adalah kenyataan seorang ahli psikologi, Ana Freud tentang golongan remaja:

Para remaja terlalu egoistik, menganggap diri mereka sebagai satu-satunya tumpuan minat. Semasa di peringkat inilah mereka lebih berupaya berkorban dan memberikan kesetiaan dan tidak di peringkat kemudiannya dalam hidup mereka. Mereka membuat perhubungan cinta yang amat mesra yang kemudiannya diputuskan dengan tiba-tiba seperti mula-mula mereka membuatnya. Mereka terumbang-am-

bing antara memperhambakan diri dengan membuta tuli kepada pemimpin yang dipilihnya sendiri dan memberontak menentang segala pihak yang berkuasa. Mereka mementingkan diri sendiri dan bersifat kebandaan, namun mereka juga penuh dengan fahaman idealisme yang tinggi.... Emosi mereka sentiasa berubah-ubah antara perasaan optimisme yang riang dengan perasaan pesimisme yang paling hampa.

Pandangan Anna Freud dalam Maznah Ismail (1989) di atas sebenarnya sejajar dengan pandangan orang-orang dewasa yang melihat kaum remaja sebagai individu yang terpisah daripada masyarakatnya atau memandang waktu remaja sebagai waktu yang terpisah daripada waktu perkembangan sebelumnya. Jika kita ingin bersama kaum remaja atau mendekati mereka, bersimpati dengan idea-idea mereka, minat dan keinginan mereka dan berusaha membantu golongan ini, kita mestilah memahami mereka. Penulis mestilah memasuki dunia mereka dan melihat dari kaca mata remaja.

Dalam perbincangan seterusnya, remaja akan dibahagikan kepada dua kumpulan iaitu remaja awal (termasuk praremaja) dan remaja akhir (termasuk remaja pertengahan).

Remaja Awal

Remaja awal lelaki dan perempuan mempunyai minat yang banyak tetapi cepat berasa bosan. Mereka suka bercakap, bising dan berani. Mereka juga mempunyai tanggapan yang kurang terhadap tingkah laku sendiri ataupun atas tingkah laku orang lain. Apa yang mereka titik beratkan pada waktu ini ialah membina perhubungan dengan kawan-kawan daripada jantina yang berlainan dan mendapatkan status. Remaja awal cenderung memberi penghormatan yang tinggi untuk standard kawan-kawan. Mereka ingin

diidentifikasi dengan kumpulan remaja yang lain. Penerimaan oleh rakan-rakan ini didasarkan kepada tingkah laku remaja sendiri dan mendapat pengaruh yang sedikit daripada status keluarga. Remaja awal mempunyai ramai kawan tetapi persahabatan mereka biasanya hanya bersifat sementara.

Remaja awal biasanya menghabiskan hampir keseluruhan masa dengan kawan-kawan yang sama jantina dalam satu kumpulan. Pada masa yang sama mereka ingin mencapai darjah yang sama dalam kemesraan dengan jantina yang berlainan. Mereka mesti memindahkan kasih sayang mereka daripada seseorang kepada individu yang berlainan jantina (Gallatini 1975). Sebenarnya remaja awal inginkan peraturan-peraturan yang berpatutan untuk memberi mereka kehidupan yang seimbang tetapi selalu berbelah bahagi untuk menerima kuasa daripada orang dewasa.

Kenyataan di atas memberi gambaran kepada kita tentang remaja awal yang berusia dalam lingkungan 12 hingga 15 tahun. Individu yang mula memasuki alam remaja awal akan beralih ke peringkat yang lebih luas. Sosialisasi mereka diluahkan menerusi minat yang mendalam kepada orang lain dan memahami perbezaan personaliti. Sewaktu berumur 14 tahun, remaja tertarik dengan 'personaliti' dan persahabatannya dibina atas dasar minat yang sama dan tret-tret personaliti yang berpadanan. Minat individu dalam personalitinya ditunjukkan oleh kekerapannya mengidentifikasi dirinya dengan hero-hero daripada karakter-karakter yang terdapat dalam filem atau majalah dan menyeru, "Itu saya. Itu saya!" (Muuss 1969).

Remaja Akhir

Menjelang remaja akhir, individu belajar untuk mencari tempatnya dalam sesebuah komuniti. Mereka mempunyai minat yang sama yang sedikit tetapi lebih men-

dalam dan kekal. Persahabatan mereka hanya dengan orang-orang tertentu tetapi kekal lama. Remaja akhir mendapat kesesuaian dalam kumpulan yang kecil.

Status sosioekonomi keluarga merupakan faktor penting dalam menentukan siapa rakan mereka. Tingkah laku remaja akhir lebih membimbangkan kemuliaan, terkawal dan menunjukkan pola-pola kebudayaan orang dewasa. Mereka juga akan mengembangkan wawasan yang baik dalam hubungan individu dan mencari persaudaraan dengan orang dewasa atas dasar kesamaan (Malm dan Jamison 1952).

Setelah mengetahui tentang individu yang dikenali sebagai remaja dan mula menyelami dunia mereka secara umum, kita akan melihat pula remaja sebagai individu dengan lebih terperinci dengan mengenali fizikal dan emosi mereka.

Ciri Fizikal dan Personaliti Remaja.

Dalam kebanyakan budaya, ciri fizikal biasanya dihubungkan dengan personaliti tertentu. Sekurang-kurangnya terdapat tiga bentuk badan di kalangan manusia.

1. Endomorphic

Ciri-ciri fizikal *endomorphic* ialah gemuk. Remaja yang mempunyai ciri-ciri fizikal *endomorphic* selalunya periang, kuat makan, tidak popular di kalangan teman-teman dan pandai mengendalikan emosi.

2. Mesomorphic

Bentuk fizikal *mesomorphic* ialah tegap dan berotot. Remaja yang tergolong dalam bentuk badan ini merupakan seorang yang popular di kalangan teman-teman, selalu melaku dan menyiapkan kerja secara agresif dan bersikap authoritarian dalam perhubungan mereka dengan orang lain.

3. Ectomorphic

Remaja yang mempunyai ciri-ciri fizikal *ectomorphic* iaitu bentuk badan yang kurus lazimnya suka bergaul, rajin membaca buku, berprinsip, mempunyai pemikiran yang tajam dan bertindak mengikut gerak hati.

Remaja dan Perkembangan Emosi

Kebanyakan ahli psikologi perkembangan mengakui bahawa di peringkat remajalah perkembangan emosi individu tidak stabil dan tidak boleh diramalkan. Pergolakan emosi yang dihadapi oleh remaja ini didapati tidak berterusan hingga ke peringkat remaja akhir. Pergolakan emosi yang dihadapi itu terjadi pesat sekali seiring dengan perkembangan kematangan seksual dan perkembangan biologikal yang dihadapi. Perkembangan hormon dalam badan yang stabil akan menstabilkan pula emosi kaum remaja. Pergolakan emosi yang tidak stabil ini didapati berlaku pada usia 12 hingga 14 tahun, dan pada usia 16 tahun mereka akan mempunyai emosi yang stabil dan dapat diramal.

Bentuk emosi yang ketara pada waktu remaja ialah:

1. Emosi Takut

Perasaan takut ketara dilihat pada waktu remaja. Emosi ini berpunca daripada keadaan yang boleh mengancam mereka seperti keadaan fizikal, penghormatan sendiri dan maruah diri. Apabila wujud ancaman ini, timbul perasaan marah lalu hilang keyakinan diri dan muncul pula perasaan takut.

2. Kecenderungan untuk Mengkritik

Emosi suka mengkritik diperlihatkan oleh remaja hasil kematangan kecerdasan. Mereka mulai mengkritik dan berani memberikan pendapat sendiri terhadap sesuatu situasi atau sesuatu masalah.

3. Kekecewaan

Kekecewaan selalu berlaku pada waktu remaja. Emosi ini kebanyakannya disebabkan kehendak mereka yang tidak dapat dipenuhi mungkin kerana ketidakupayaan remaja untuk melaksanakannya, atau disebabkan halangan sosial yang lain. Kekecewaan yang sering mereka hadapi berpunca daripada ketidaksesuaian jangkaan tingkah laku jantina, atau tidak menariknya bentuk fizikal, atau gangguan kesihatan yang menghalang mereka daripada aktif dalam pergerakan sosial, dan dengan teman sebaya. Kekecewaan juga boleh berlaku disebabkan konflik ibu bapa, konflik dengan jangkaan ibu bapa dan kekurangan teknik pergaulan.

Kesan Kekecewaan terhadap Remaja:

- i. Menjadi agresif sama ada dari segi perkataan atau perbuatan.
- ii. Menyalurkan kekecewaannya kepada objek lain seperti kepada guru, keluarga atau pihak-pihak tertentu yang mengenakan suatu undang-undang atau peraturan kepada mereka.
- iii. Berlaku penolakan sosial. Remaja yang berasa mereka tidak boleh berbuat apa-apa, akan mendiamkan diri dan cuba mengatasi melalui perbuatan seperti berkhayal dan melakukan kerosakan secara senyap-senyap.
- iv. Mengundurkan diri setelah kecewa dengan tindakan yang dilakukan daripada situasi yang tidak dapat dikawal dan diatasi, dan akan mencuba pula dalam aktiviti yang pernah mereka lakukan dahulu dengan berjaya.
- v. Menyusun semula tingkah laku hasil kekecewaan yang dihadapi. Remaja akan memikirkan semula tingkah

laku mereka yang lepas, dan akan cuba menyesuaikan aspirasi mereka dengan tenaga dan kekuatan yang diperolehi.

4. Emosi Cemburu

Emosi ini muncul apabila remaja berasa tidak selamat atau takut statusnya dalam sesebuah kumpulan diancam. Emosi cemburu sering wujud di kalangan remaja adik-beradik dalam keluarga atau rakan sekelas yang lebih popular daripada dirinya. Selalunya cara pertuturan digunakan untuk mengatasi perasaan cemburu di kalangan remaja perempuan. Tangisan juga digunakan untuk mengatasi perasaan cemburu remaja. Remaja lelaki selalunya menggunakan kekuatan fizikal yang ditunjukkan dalam bentuk kumpulan atau geng. Perasaan cemburu ini juga dilahirkan dalam kegiatan sukan.

5. Perasaan Ingin Tahu

Emosi ini ditunjukkan dalam berbagai-bagai bidang. Emosi ini muncul kesan kematangan kejantinaan yang dihadapi oleh remaja. Mereka mula memperlihatkan minat tentang fenomena saintifik, hal-ehwal antarabangsa, agama dan isu-isu moral. Perasaan ingin tahu ini diterokai melalui bahan bacaan, perbualan dengan teman sebaya dan maklumat daripada golongan dewasa.

6. Perasaan Kasih Sayang

Emosi ini dirujuk kepada keadaan yang berbentuk positif iaitu memperlihatkan sifat yang berlembut kepada manusia, binatang atau objek tertentu. Emosi penyayang ini berbeza dengan emosi cinta yang biasa berlaku kepada manusia yang berlainan jantina.

Emosi penyayang terbentuk hasil hubungan yang menyenangkan yang dirasakan oleh remaja. Tingkah laku penyayang di peringkat remaja berbeza dengan tingkah laku penyayang pada waktu kanak-kanak. Pada waktu kanak-kanak, emosi penyayang diarahkan atau ditimbulkan oleh objek yang bukan daripada sumber manusia seperti barang permainan dan binatang peliharaan. Tetapi di peringkat remaja, emosi penyayang ini banyak disebabkan oleh manusia.

7. Emosi Bersedih Hati

Emosi negatif ini seringkali dihadapi oleh remaja yang berpunca daripada kehilangan sesuatu objek yang disayangi atau yang tinggi nilainya, di samping objek lain yang disayangi oleh remaja. Objek ini begitu berpengaruh dalam perkembangan dan pertumbuhan mereka. Emosi ini begitu tegang dihadapi di peringkat awal remaja dan merupakan emosi yang baru bagi mereka.

Emosi bersedih hati biasanya bertambah serius akibat perceraian dalam keluarga, kematian ahli keluarga atau remaja gagal mencapai aspirasi dalam bidang akademik.

Remaja dan Identiti Diri

Hall (1904) dalam Protinsky dan Farrier (1981) menyifatkan zaman remaja sebagai *storm and stress* kerana pada waktu ini mereka akan mengalami krisis identiti. Remaja akan mencari jawapan kepada pertanyaan, "Siapa saya" dan "Apa yang saya mahu dalam hidup ini?". Pada waktu remaja, seseorang mula berhati-hati dan mengambil berat tentang siapakah dirinya dan apakah yang boleh dilakukan dalam masyarakat yang dianggotainya. Berhubung dengan



Novel-novel remaja terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka

terapeutik dan kehampiran psikologi watak yang ditonjolkan dengan psikologi mereka sendiri akan mendorong pembaca remaja mendapat wawasan diri dan katarsis.

Menyentuh tentang pihak penulis, ada yang berpendapat bahawa kalau bukan remaja yang berbicara tentang dunia remaja, siapa lagi? Bagi orang dewasa, untuk mengumpul kembali ingatan dan gambaran zaman remaja adalah sesuatu yang agak perit. Penulis yang berminat untuk menulis karya remaja tidak perlu memikir tentang usia. Penulis yang benar-benar bersimpati dengan masalah remaja biasanya akan lebih berjaya menghasilkan novel atau cerpen remaja kerana mereka dapat melihat dunia remaja menerusi kaca mata seorang remaja. Emosi seperti takut, kasih sayang, cemburu dan marah begitu ketara wujud pada waktu remaja. Kebanyakan remaja suka membaca karya yang bersimpati dengan masalah mereka. Jika remaja mengetahui bahawa orang dewasa juga mempunyai perasaan seperti yang mereka alami, remaja akan berasa selamat.

Penutup

Karya-karya remaja kini mula membanjiri pasaran dan peng-

libatan penulis muda semakin bertambah. Kebanyakan tulisan mereka adalah hasil usaha mereka sendiri, tanpa bimbingan daripada orang lain. Tetapi perkara yang menarik perhatian ialah mereka seakan-akan sudah mempersiapkan diri untuk menulis. Dalam diri mereka sudah ada pengetahuan terutamanya tentang pemilihan tema, serta tidak bersifat stereotaip. Namun, untuk memantapkan lagi penulisan mereka, golongan penulis muda ini perlu diberi bimbingan untuk memastikan mereka tidak akan berhenti berkarya. Aktiviti Minggu Penulis yang dianjurkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka boleh memberi bimbingan sewajarnya kepada mereka. Dalam konteks ini, psikologi remaja memainkan peranan penting sebagai salah satu topik utama yang perlu didedahkan kepada golongan penulis muda. Memahami psikologi remaja adalah salah satu teknik penting untuk mencipta watak dan perwatakan remaja yang meyakinkan dan natural. Bimbingan menerusi Minggu Penulis Remaja adalah salah satu usaha murni Dewan Bahasa dan Pustaka untuk melihat para penulis muda terus berkarya dan mewarnai dunia kesusasteraan remaja itu sendiri.

BIBLIOGRAFI

- Alias Ali. "Perwatakan" dalam A. Bakar Hamid dan Usman Awang (ed.) 1984. *Panduan Menulis Cerpen*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Forster, E. M. 1987. *Aspek-aspek Novel*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Gallatini, J. E. 1975. *Adolescence and Individuality: A conceptual Approach to Adolescent Psychology*. New York: Harper and Row Publication.
- Malm, M. dan Jamison, O. G. 1952. *Adolescent*. USA: McGraw-Hill Book Co. Inc.
- Maznah Ismail 1989. *Remaja*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muuss, R. E. 1969. *Theories of Adolescence*. New York: Random House.
- Protinsky, H. dan Farrier, S. 1981. "Self-Image Change in Pre-Adolescents and Adolescents". *Adolescence*, 15 hlm. 888-893.